

03/11/2001

Tambang tidak naik (HL)

Zulkofli Jamaludin; Wan Esuriyanti Wan Ahmad
KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengusaha pengangkutan awam tidak mempunyai alasan untuk menaikkan tambang kerana kos tambahan berikutan kenaikan harga petrol dan diesel, adalah terlalu kecil.

Malah, Perdana Menteri berkata, kos tambahan berikutan kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter hanya di antara 0.8 dan 1.6 peratus.

"Kita sudah merangka kesan daripada kenaikan harga petrol sebanyak 10 sen seliter terhadap kos pengangkutan. Satu bas apabila bergerak, perbelanjaannya bukan 100 peratus tertumpu kepada kos diesel, tetapi meliputi kakitangan, iaitu konduktor dan pemandu serta tayar.

"Ini bermakna dari segi tambahan kos, sikit sangat. Jadi, tak ada sebab dia nak naik harga," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Mesyuarat lebih tiga jam itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Sebelum ini, Persatuan Pengusaha Lori Pan Malaysia (PMLOA) berhasrat menaikkan upah pengangkutan lori sebanyak 25 sen setiap tan bagi jarak 1.6 kilometer dengan alasan ahli PMLOA mengenakan upah berdasarkan kadar minimum yang dibenarkan kerajaan pada 1958.

Berikutan kenaikan harga petrol dan diesel, Presiden PMLOA, Er Sui See, berkata pihaknya tiada pilihan selain menyemak kadar yang dikenakan selama ini.

Pada masa sama, syarikat bas turut merayu kerajaan terus memberi subsidi petrol dan diesel kerana kenaikan itu akan merugikan syarikat bas.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak berhasrat menarik balik subsidi yang dikeluarkan untuk petrol.

"Sekarang ini, kita belanja sebanyak RM1.4 bilion untuk subsidi minyak. Dengan kenaikan 10 sen ini, tak bermakna kita akan hapuskan subsidi.

"Daripada RM1.4 bilion ini, mungkin kita dapat jimat cuma RM300 juta hingga RM400 juta saja. Sedangkan kita memberi pelbagai tawaran kepada rakyat (dalam belanjawan lalu), berbilion ringgit kita bagi," katanya.

Beliau berkata, banyak nikmat yang diperoleh rakyat daripada Belanjawan 2002 terutama dari segi pengurangan cukai dan penambahan pendapatan untuk kakitangan awam, iaitu melalui pemberian bonus separuh bulan gaji serta kenaikan 10 peratus gaji tahun depan.

"Kita dah cuba berlaku adil kepada semua pihak. Amat malang sekali kerana nampaknya terutama media... menumpu kepada kenaikan harga minyak. Seolah-olah kita tak bagi yang lain. Ini amat menyedihkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, perbelanjaan tambahan orang ramai berikutan kenaikan harga petrol cuma kecil berbanding tambahan pendapatan yang diperoleh daripada bonus, kenaikan gaji, pengurangan cukai dan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM5.3 bilion bagi kontraktor Kelas F.

Katanya, jika anggaran maksimum perbelanjaan petrol bagi sebuah kereta adalah RM500 sebulan, kos tambahan yang perlu dibayar hanya RM40 sebulan.

"Jadi dia punya perbelanjaan untuk minyak tentu tak akan menelan semua tambahan gaji yang dia dapat. Takkan tak boleh bayar sikit duit minyak," katanya.

(END)